



Headline: Giliran pengurus ditipu dindiket Macau Scam  
Publication/Portal: Utusan Sarawak  
Date: 18 October 2018

Language: Malay  
Section: Berita Perdana  
Page: 2

# Giliran pengurus ditipu sindiket Macau Scam

FENNY SILONG

**KUCHING:** Seorang pengurus wanita dari Padawan di sini menjadi mangsa terkini Macau Scam apabila mengalami kerugian RM1,150.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Polis Sarawak, Supt. Mustafa Kamal Gani Abdullah berkata, mangsa yang berusia 45 tahun itu menerima panggilan daripada seorang lelaki dari Mahkamah Kuching.

"Lelaki yang memperkenalkan diri sebagai Mr. Ong memberitahu mangsa mempunyai kes mahkamah iaitu tunggakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) atas nama sebuah syarikat berjumlah RM85,700 dengan nombor kes

10358/18.

"Kemudian, talian mangsa disambungkan kepada seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai Sarjan Helmi bertugas di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPD) Terengganu apabila turut memaklumkan mangsa terlibat dalam kes dadah dan penggelapan wang setelah suspek menghubungi seorang pegawai penyiasat lain," katanya menerusi satu kenyataan.

Gani berkata, 'Sarjan Helmi' memberitahu mangsa yang asetnya akan dibekukan dan menahannya serta merta sebelum meminta mangsa melakukan pemindahan wang dengan segera ke dalam akaun CIMB atas nama Mohamad Sharil Shalie berjumlah RM1,150.

"Di Bintulu pula, seorang kerani wanita berusia 33 tahun

mengalami kerugian RM900 selepas menerima panggilan daripada seorang perempuan tidak dikenali.

"Suspek memberitahu mangsa mempunyai cukai tidak berbayar sebanyak RM51,000 dan suspek telah menyambungkan panggilan ke IPD Pulau Pinang," jelasnya.

Menurut Gani, seorang lelaki bernama Donny turut meminta nombor kad pengenalan mangsa dan memberitahu mangsa mempunyai kes jenayah dadah terbesar di Pulau Pinang.

"Selepas itu, talian disambungkan ke Tuan Yong untuk rayuan sebelum Donny meminta senarai harta mangsa dan diberi kepada Bank Negara.

"Selain itu, suspek meminta *username* dan *password* akaun bank mangsa termasuk enam

digit OTP (One Time Password) dengan nada yang mendesak," ujarnya.

Kata Gani, di Kuching pula seorang lelaki yang merupakan pelajar sebuah universiti swasta berusia 20 tahun kerugian RM790 selepas menerima panggilan daripada seorang lelaki apabila memperkenalkan diri sebagai pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Katanya, suspek memberitahu mangsa ada terlibat dengan kes penyeludupan dadah dan penggubahan wang haram.

Gani turut memberitahu, mangsa terpedaya dengan 'soal siasat' dijalan oleh 'SPRM' dan memindahkan wang berjumlah RM790 ke akaun CIMB milik suspek atas nama Mohamad Norizam Morat Ramli.